



KEMENTERIAN PELANCONGAN,
SENI DAN BUDAYA



Balai Seni Negara
National Art Gallery

UKK/600-01/05 (90)

SIARAN MEDIA

BALAI SENI NEGARA LANCAR KALENDAR PROGRAM 2025 DAN PROGRAM MANIFESTASI DUA SENI

13 DISEMBER 2024 – Balai Seni Negara hari ini melancarkan *Kalendar Program 2025*, yang merupakan rangkuman pelbagai program kesenian dan kebudayaan yang dirancang sepanjang tahun. Majlis disempurnakan oleh YBhg. Datuk Wira Roslan Tan Sri Abdul Rahman, Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) di Balai Seni Negara.

Kalendar Program 2025 dirangka dengan teliti bagi merancakkan landskap seni negara serta memperkuuh ekosistem seni tempatan dengan menggalakkan keterlibatan masyarakat menerusi program serta aktiviti yang dianjurkan. Ia termasuk pameran bertaraf antarabangsa, bengkel seni, seminar, program residensi, wacana, simposium, ‘knowledge transfer’ dan aktiviti komuniti.

Dalam majlis sama, YBhg. Datuk Wira Roslan Tan Sri Abdul Rahman, Ketua Setiausaha MOTAC turut merasmikan *Program Manifestasi Dua Seni*, yang dianjurkan bermula pada November 2024 sehingga Januari 2025 di seluruh negara. *Manifestasi Dua Seni* merupakan salah satu platform penting dalam memartabatkan karya seni dan sastera tanah air.

Penganjurannya sejajar dengan seruan YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia, menerusi ucapan beliau dalam Belanjawan 2024 pada Oktober lalu, untuk memartabatkan karya seni dan sastera negara serta memupuk minat golongan belia terhadap karya agung.

Program ini menawarkan pengalaman seni yang luar biasa, menggabungkan dua cabang seni utama iaitu seni visual dan sastera sebagai usaha bagi memperkuuh identiti budaya Malaysia. Ia memberi tumpuan kepada kolaborasi antara pelukis, penulis, penyair, dan penggiat seni, dengan harapan mencipta pengalaman seni yang lebih bermakna. Dengan menampilkan karya-karya agung sastera dan seni visual, program ini turut

memperkenalkan penulis dan pelukis dari pelbagai latar belakang kepada khalayak yang lebih luas. Ia juga berperanan sebagai medium untuk menghargai karya-karya lama, sambil memberi ruang kepada karya baharu untuk berkembang.

Manifestasi Dua Seni menerima penglibatan daripada pelbagai persatuan seni dan budaya di seluruh negara, termasuk Roman Buku Sdn. Bhd. di Kuala Lumpur, PORT di Ipoh, Perak, Persatuan Pelukis Negeri Perlis, Persatuan Pelukis Terengganu (PeTer), Senika di Kuantan, Pahang dan Kotak Seni di Kelantan. Selain itu, Ambeng Art Space di Johor, Kumpulan Pelukis Negeri Melaka, Persatuan Seni Visual Sabah, dan Haus KCH di Sarawak juga turut serta dalam menjayakan program ini.

Setiap persatuan menganjurkan aktiviti kesenian seperti pameran, bengkel seni, malam puisi, dan persembahan seni, yang menyerlahkan keunikan seni dan sastera di setiap negeri. Terdapat juga pertandingan melukis dan menulis berdasarkan karya agung, memberi peluang kepada peserta untuk mengekspresikan kreativiti mereka melalui seni visual dan penulisan. Antara program yang telah berlangsung sebelum ini adalah **Kalimat** di Balai Seni Negara dan **Suara Rasa x Dendang Anak** bertempat di PORT, Ipoh, Perak.

Manifestasi Dua Seni dilihat sebagai sebuah wadah yang mampu mengangkat karya sastera agung ke tahap yang lebih tinggi. Pendekatan ini bukan sahaja meraikan bakat tempatan, malah turut berfungsi sebagai jambatan yang menghubungkan generasi serta pelbagai latar belakang budaya, demi memperkuuh warisan seni negara.

Majlis turut dihadiri YBhg. Dato' Mohd Yusri bin Mohd Yusoff, Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan) MOTAC, YBrs. Encik Shaik Rizal Sulaiman, Pengurus Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara (LPSVN), YBrs. Encik Amerrudin Ahmad, Ketua Pengarah Balai Seni Negara, Ahli-ahli Lembaga Pengarah LPSVN, YBrs. Dr. Tan Awang Besar, Rektor Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA), pegawai-pegawai kanan MOTAC, jabatan dan agensi serta para penggiat seni.

Pelancaran Kalendar Program 2025 dan **Manifestasi Dua Seni** mencerminkan aspirasi Balai Seni Negara untuk terus memperkasa peranan seni dalam membentuk identiti budaya negara. Inisiatif ini diharap menjadi pemangkin kepada perkembangan seni tempatan, menyatukan masyarakat melalui pelbagai aktiviti seni, sekaligus mengukuhkan Malaysia sebagai destinasi seni dan budaya yang bertaraf antarabangsa.

Untuk maklumat lanjut mengenai program anjuran Balai Seni Negara, ikuti media sosial rasmi Balai Seni Negara atau layari sesawang di www.artgallery.gov.my.

Dikeluarkan:

**Unit Komunikasi Korporat
BALAI SENI NEGARA, MALAYSIA**

No. 2 Jalan Temerloh, Off Jalan Tun Razak, 53200 Kuala Lumpur
Tel: 03-40267000 Fax: 03-40244998
E: ukk@artgallery.gov.my W: www.artgallery.gov.my

Untuk pertanyaan, sila hubungi:

Balai Seni Negara:

Zuriyadi Sarpin
T: +60 11 1005 5207
E: zuriyadi@artgallery.gov.my

Intan Syazwina Suhaimi
T: +60 19 998 5884
E: syazwina@artgallery.gov.my